

## Pelajar Poly Tech Mara dekati anak yatim

KANCHONG DARAT - Seramai 28 pelajar tahun dua Diploma Pengurusan Perniagaan Kolej Poly Tech Mara, Bangi menyifatkan pengalaman sehari bersama Penghuni Rumah Asnaf As Solehin, Kanchong Darat sebagai penyuntik semangat untuk mereka terus berbakti kepada masyarakat.

Pengarah Program, Fathur Rahman Md Saidi berkata, beliau menganggap Program Menyejahterakan Kehidupan Anak Yatim berkenaan sebagai salah satu cara untuk menggerakkan penghuni rumah berkenaan



Antara pelajar yang turut serta pada Program Menyejahterakan Kehidupan Anak Yatim.

untuk lebih ceria dan mendekatkan diri mereka dalam masyarakat.

“Saya nampak bila kita

campur dengan golongan ini, pelbagai rintangan kita nampak, termasuk usaha mengambil hati adik-adik ini untuk

ikut serta program kita.

“Memanglah mereka kadang-kadang tak faham dengan apa yang kita cakap,

tapi sebagai pelajar dan pemimpin masa akan datang, kita perlu belajar cara mewujudkan semangat kekeluargaan,” katanya.

Fathur Rahman berkata, dia tidak sangka rakan-rakannya memberi komitmen tinggi sehingga mereka dapat mengadakan khidmat kaunseling dengan penghuni.

Bagi Penasihat Program yang juga pensyarah kolej, Fatin Murshida Zakaria, program khidmat masyarakat ini menjadi platform untuk pelajar kolejnya mendekati masyarakat.

Katanya, selain mendapat

dana daripada pelbagai pihak untuk disumbangkan kepada rumah asnaf As Solehin, pelajarannya turut menyediakan pelbagai aktiviti untuk menggemirakan penghuni.

“Saya nampak pelajar saya berkebolehan memimpin dan memberi nasihat kepada adik-adik ini dengan baik.

“Tapi saya nak tengok pelajar saya nanti keluar kolej dan membawa nama kolej dengan baik dengan berbekalkan pengalaman program khidmat masyarakat yang pernah disertai mereka,” katanya.



# Perangi aedes habis-habisan

Pejabat Kesihatan akan terus pantau tujuh lokaliti wabak denggi di daerah ini

## TELOK PANGLIMA GARANG

- Tujuh lokaliti wabak denggi di Daerah Kuala Langat akan terus dipantau berikutan kes berkenaan masih berterusan selepas dua minggu pihak Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Langat menganjurkan aktiviti cari dan musnah.

Pegawai Perubatan (Epidemiologi) Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Langat, Dr Shuaita Mohd Nor berkata, tujuh lokaliti berkenaan ialah Taman Sri Medan, Taman Aman, Taman Dato Hormat, Pangsapuri Impian Bandar Saujana Putra, Pangsapuri Seri Saujana, Taman Yayasan dan Taman Desa Wira bakal menerima kunjungan pihak inspektor kesihatan bersama beberapa wakil untuk terlibat dalam operasi penguatkuasaan premis di lokaliti hotspot bermula hari ini hingga 10 Mei.

Menurutnya, atas sebab itu juga, semalam, telah berlangsungnya gotong-royong di Taman Dato Hormat dan Batu 9 Kebun Baharu, bagi memberi pendedahan kepada masyarakat untuk terus meluangkan masa 10 minit membersihkan kawasan rumah.

"Taman Dato Hormat sebenarnya antara kawasan wabak yang mencatatkan peningkatan kes dan kini mencecah 31 kes dengan pecahan Jalan Palas (25 kes), Jalan Pandan (5) dan (1) di Jalan Mengkuang.

"Saya percaya pecahan itu sebenarnya tidak nampak besar, namun ia antara kawasan atau jumlah kes yang meningkat setiap bulan," katanya selepas Merasmikan Program Gotong-royong dan Kesedaran Pencegahan Denggi di Taman Dato Hormat, semalam.

Katanya, usaha membanteras pembiakan aedes perlu dilakukan secara menyeluruh supaya tiada lagi kes-kes baharu wujud.

"Saya nampak penduduk di taman ini mengajak masyarakat lain turut aktif dengan sama-sama turun membersihkan kawasan rumah mereka.

"Usaha persatuan penduduk untuk menarik minat masyarakat dilihat menggembirakan pihak kami apabila mereka turun padang sendiri tanpa dipaksa," katanya.

Dalam pada itu, Ahli Majlis MDKL, Zon 5, Ab Rahman Amir berkata, beliau mengakui Jalan Palas antara kawasan wabak yang tinggi di Taman Dato Hormat.

Katanya, penduduk sebenarnya perlu diberi kesedaran bagi melihat sendiri usaha-usaha pelbagai pihak memainkan peranan.



Shuaita menerima pandangan daripada penduduk setempat sambil diperhatikan Ab Rahman (kanan) pada Program Gotong-royong dan Kesedaran Pencegahan Denggi di Taman Dato Hormat, semalam.



## Sports For All dapat sambutan belia

JUGRA - Setiap remaja perlu aktif dalam setiap aktiviti melibatkan masyarakat.

Presiden Kelab Kecergasan, Rozana Kamarulzaman berkata, beliau memuji penyertaan kira-kira 100 sukarelawan IM4U terlibat dalam Program Sports For All yang dianjurkan di Bukit Jugra, semalam.

Menurutnya, pengisian program dilihat memberi impak apabila ke-



Belia yang terlibat dalam menjayakan Sports For All di Bukit Jugra, semalam.

semua peserta meluahkan rasa gembira dan berpuas hati dengan semua aktiviti

yang dijalankan.

"Hari ini juga kita lancar program dengan kerjasa-

ma Pejabat Belia dan Sukan Daerah Kuala Langat dan Persatuan Belia Hindu juga

turut serta dalam program Fit Malaysia dan khidmat masyarakat.

"Saya nampak program ini dapat sambutan dan perlu diperhebat," katanya.